

22 JAN 2003

Guru-SAR

GURU SAR DIPELAWA TERIMA TAWARAN KE SEKOLAH KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Guru-guru sekolah agama rakyat (SAR) diberi tempoh sebulan dari 27 Jan hingga 28 Feb untuk menerima pelawaan berkhidmat di sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan.

Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat hari ini berkata pelawaan itu terbuka kepada semua guru SAR yang sedang mengajar tanpa had umur.

Mereka dipelawa berkhidmat sebagai guru sandaran tidak terlatih, guru sandaran terlatih atau untuk lantikan tetap, katanya kepada pemberita di Kementerian Pendidikan di sini.

Beliau berkata pelawaan itu adalah atas kesedaran bahawa semua guru wajar mendapat latihan yang berkualiti dan profesional serta kebajikan mereka diberikan perhatian.

"Untuk itu adalah menjadi harapan kementerian supaya semua guru di SAR di seluruh negara menerima pelawaan ini secara terbuka tanpa sebarang prasangka," katanya.

Kini terdapat kira-kira 4,000 guru yang mengajar sepenuh masa di 43 sekolah rendah agama rakyat dan 225 sekolah menengah agama rakyat yang mempunyai 74,000 pelajar di seluruh negara.

Abdul Rafie menasihati guru-guru SAR yang berminat untuk berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan supaya mengemukakan permohonan di pejabat pendidikan daerah/bahagian atau jabatan pendidikan negeri terdekat.

Kerajaan pada hujung tahun lepas memutuskan untuk menghentikan bantuan per kapita kepada SAR dan membuat tawaran menyerapkan pelajar SAR ke sekolah kebangsaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke Kelantan minggu lepas juga berkata kerajaan sedia mengambil guru-guru SAR termasuk yang tidak terlatih untuk diserap ke sekolah kebangsaan dan sanggup memberi latihan serta memberikan bayaran gaji lebih baik kepada mereka daripada yang diperolehi di SAR.

Abdul Rafie berkata semua Jabatan Pendidikan Negeri, pejabat pendidikan bahagian dan daerah telah diarahkan untuk menerima semua permohonan guru-guru SAR itu.

Beliau berkata semua permohonan yang diterima akan diteliti berdasarkan kelulusan dan kelayakan calon berkenaan dan semua calon akan melalui proses temuduga oleh kementerian.

Ditanya sama ada terdapat syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi, Abdul Rafie berkata: "Kita akan mengedarkan surat siaran yang mengandungi borang kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri. Ia terbuka kepada semua yang mengajar sepenuh masa di SAR. Isi borang dan kemukakan permohonan itu dan kita akan teliti butiran permohonannya."

Katanya kementerian mempunyai beberapa kaedah pengambilan dalam perkhidmatan guru dan akan menentukannya berdasarkan kepada kelulusan dan kelayakan mereka.

"Kita tengok profil mereka dan mereka mesti melalui proses temuduga untuk menentukan kesesuaian, dan selepas itu baru buat penempatan," katanya.

Bagi guru SAR yang tidak mempunyai latihan, mereka akan diserap sebagai guru

Katanya kementerian mempunyai beberapa kaedah pengambilan dalam perkhidmatan guru dan akan menentukannya berdasarkan kepada kelulusan dan kelayakan mereka.

"Kita tengok profil mereka dan mereka mesti melalui proses temuduga untuk menentukan kesesuaian, dan selepas itu baru buat penempatan," katanya.

Bagi guru SAR yang tidak mempunyai latihan, mereka akan diserap sebagai guru sandaran tidak terlatih dan akan menerima latihan yang bersesuaian termasuk di maktab perguruan dan latihan lain sebagaimana yang diberi kepada guru-guru dalam perkhidmatan pendidikan sekarang.

Ditanya sama ada semua guru yang memohon akan diserapkan, beliau berkata ia bergantung kepada bilangan pemohon dan proses tapisan.

"Mereka terpaksa ditapislah, bukan semuanya dan kita pun tidak berjanji untuk beri semua. Cumanya kita (kementerian) terbuka dan kalau semuanya layak untuk diterima, kita terimalah. Konsepnya ialah penerimaan secara terbuka tanpa prasangka, rebutlah pelawaan ini," katanya.

Terdahulu, Pergerakan Pemuda Umno Kelantan yang ketua Mohamed Rujhan Salleh menyerahkan memorandum kepada Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menyatakan sokongan mereka terhadap keputusan menerima pelajar SAR dan guru ke dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Musa berkata memorandum berkenaan merupakan satu perangsang bagi kementerian untuk terus melaksanakan tindakan membantu pelajar SAR.

Katanya sehingga kini, kira-kira 10,000 pelajar SAR telah berpindah ke sekolah kebangsaan dan yang lain masih mempunyai masa sehingga 6 Feb untuk berbuat demikian.

"Jumlahnya menggalakkan...memandangkan tawaran itu hanya dibuat pada 3 Jan hingga 6 Feb. Jika perlu (untuk melanjutkan tarikh tamat tempoh), kita akan menyambung," katanya.

-- BERNAMA  
HS AZZ RON